

Harapan rakyat berdepan cabaran 2016

Kerajaan perlu tangani masalah kos sara hidup elak meningkat

Setiap kali tiba penghujung tahun, ramai yang tersentak kerana merasakan masa berlalu begitu pantas. Mereka ibarat dilamun mimpi seolah-olah sambutan Tahun Baharu 2015 masih segar dalam ingatan, esok 2016 pula menjelma. Pejam celik, pejam celik, setahun sudah pun berlalu. Ada yang mengeluh kerana resolusi mereka untuk 2015 belum dicapai, sedangkan tahun baharu berada di ambang pintu dan resolusi baharu perlu dicipta lagi. Ini bukanlah masalah besar kerana sesuatu matlamat yang ditetapkan manusia boleh diubah. Jika gagal dicapai tahun ini, ia boleh diteruskan tahun depan, atau buat resolusi baharu. Begitu juga dengan sesuatu dasar.

Jika tidak lagi sesuai, ia boleh dipinda mengikut kesesuaian dan tuntutan semasa. Bagaimanapun, rakyat perlu jelas dan faham dengan sesuatu dasar. Masalah timbul apabila rakyat tidak mendapat penerangan secukupnya berhubung sesuatu dasar atau peraturan yang dirancang, apatah lagi membabitkan undang-undang yang kontroversial. Sepanjang 2015, rakyat mempersoal beberapa dasar dan peraturan kerajaan disebabkan mereka kabur dengan matlamat dan tujuan pelaksanaannya. Ia sepatutnya menjadi pengajaran bagi memastikan sesuatu peraturan dilaksanakan pada masa akan datang, tidak lagi menjadi perdebatan terbuka. Dengan kewujudan media baharu dan media sosial, ia memburukkan lagi keadaan.

Penuhi matlamat kumpulan

Perkara yang sukar dilakukan ialah memenuhi matlamat berkumpulan khasnya membabitkan kepentingan utama masyarakat – politik, ekonomi dan sosial. Tiga isu ini ada pertalian rapat dengan isu lain seperti agama, pendidikan, kesihatan, budaya dan sebagainya. Isu perlu diurus dengan berhemah dan berhati-hati di negara pelbagai kaum dan agama seperti di negara ini.

Pada 2016 nanti, kita percaya isu politik, ekonomi dan sosial terus menghantui masyarakat dunia dan Malaysia tidak terkecuali. Dalam konteks politik, masyarakat adalah warganegara dan anggota masyarakat. Di negara demokrasi, masyarakat juga adalah pengundi, khasnya mereka yang layak menggunakan hak masing-masing mengikut undang-undang. Di sesetengah negara, mengurus rakyat adalah tugas mencabar dan rumit berasaskan pelbagai faktor politik seperti perbezaan ideologi, agama, sejarah, etnik, kepentingan dan sebagainya. Ini diburukkan lagi dengan cita-cita politik individu masyarakat yang tiada batasan. Dalam menghadapi tahun yang mencabar, bukanlah mudah bagi kerajaan untuk memenuhi tuntutan rakyat yang meletakkan harapan yang begitu

tinggi kepada kerajaan. Parti pembangkang sentiasa memainkan fungsinya menanggung di air keruh.

Dalam konteks ekonomi pula, masyarakat adalah kumpulan pengguna yang besar dan berpengaruh. Fungsi pengguna dalam kalangan masyarakat di sesebuah negara, adalah sesuatu yang tidak boleh diubah suai. Mereka adalah kumpulan yang menerima kesan daripada keadaan ekonomi di sesebuah negara. Malah, ekonomi dunia yang tidak menentu juga memberi kesan kepada pengguna di mana juga mereka berada. Biasanya, ketika ekonomi baik, rakyat tidak terasa nikmatnya tetapi bila ekonomi buruk, mereka akan beri tekanan kepada kerajaan. Dalam keadaan ekonomi yang baik, kerajaan tidak hadapi masalah untuk penuhi tuntutan dan harapan rakyat, tetapi dalam keadaan ekonomi yang buruk, kerajaan tertekan untuk membetulkan keadaan dan pada masa sama memenuhi permintaan rakyat. Itulah sebabnya apabila kerajaan menaikkan harga barangan atau perkhidmatan, masyarakat pengguna memberi reaksi negatif. Keadaan ini diburukkan dengan peranan media baharu dan media sosial.

Sepanjang 2015, media sosial cuba ubah pandangan umum berhubung pelbagai persoalan membabitkan masyarakat. Jika sebelum ini media tradisional membabitkan media cetak dan elektronik, menyebarkan sesuatu berita menasihatkan rakyat bangun awal untuk mengelak kesesakan, ia diterima dengan baik. Tetapi, apabila media sosial menyebarkan berita seperti ini dalam konteks menyindir, penerimaan masyarakat menjadi negatif.

Dahulu, bila ada pemimpin menasihatkan rakyat melakukan lebih daripada satu kerja untuk meningkat pendapatan, ia diterima dengan baik. Tetapi, bila media sosial menyebarkan kenyataan yang sama tetapi dalam konteks yang berbeza, ia menjadi negatif. Ini adalah antara contoh berita yang menjadi viral di media sosial kebelakangan ini. Ini menunjukkan sesuatu berita boleh ubah persepsi orang ramai jika corak penyampaiannya berubah.

Kebelakangan ini peranan mempengaruhi pemikiran rakyat digunakan sepenuhnya oleh media baharu dan media sosial. Pada 2016 ini juga, suasana yang tidak baik akan beri kesan kepada sosio-ekonomi rakyat. Isu ekonomi yang meruncing boleh menyebabkan berlaku kenaikan harga barang, perkhidmatan, penutupan perusahaan, pemberhentian pekerja, peningkatan kegiatan jenayah dan sebagainya. Ia adalah tahun yang mencabar. Namun, kita tetap mengharapkan 2016 ini, keadaan buruk tidak melanda negara ini.



MIOR KAMARUL SHAHID

miorokamarul@gmail.com